

08/11/1999

Melayu perlu contohi sokongan kaum Cina

TASEK GELUGOR, Ahad - Sokongan dua pertubuhan terbesar masyarakat Cina di negara ini kepada kerajaan dan kepimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad perlu menjadi contoh kepada rakyat Pulau Pinang khususnya orang Melayu untuk mengekalkan kerjasama dan berpendirian yang sama.

Orang Melayu di negeri ini seharusnya berbangga diatas sokongan padu dua pertubuhan Cina itu kerana ini menunjukkan masyarakat Cina di negara ini tetap menyokong kerajaan dan kepimpinan Dr Mahathir.

Timbalan Ketua Menteri, Datuk Mohd Shariff Omar, berkata jika rakyat pelbagai kaum di Pulau Pinang berpecah disebabkan masalah politik ia akan membawa banyak kerugian, terutama dari segi pelaksanaan projek pembangunan.

Katanya, sudah sampai masa rakyat Pulau Pinang mengekalkan kerjasama dan terus memberi sokongan padu kepada kerajaan negeri bagi menjamin keamanan dan sekaligus membolehkan kerajaan melaksanakan banyak pembangunan.

Beliau berucap di majlis perjumpaan dengan kakitangan Jabatan Kemajuan Masyarakat (Kemas) dan pemimpin masyarakat Parlimen Tasek Gelugor di Dewan Muhibah Sungai Dua dekat sini, semalam.

Sempena majlis itu Mohd Shariff menyampaikan bantuan pendidikan Tabung Amanah Yang Dipertua Negeri kepada 16 pelajar yang melanjutkan pengajian ke pusat pengajian tinggi tempatan.

Menurutnya, kerajaan negeri berbangga terhadap sokongan dua pertubuhan Cina itu, iaitu Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Cina Malaysia (ACCCIM) dan Gabungan Pertubuhan Cina Malaysia (FCAM) dan berharap rakyat negeri ini juga memberikan sokongan yang sama.

Katanya, kerajaan negeri sudah banyak berkorban untuk kepentingan rakyat pelbagai kaum di negeri ini, terutama dari segi menyediakan rumah kos rendah dan pemberian bantuan pendidikan dan kemudahan lain.

"Kita menyediakan peruntukan lebih RM2 setahun juta untuk bantuan biasiswa kepada anak rakyat pelbagai kaum di negeri ini di samping membantu rakyat mendapatkan rumah kos rendah," katanya.

Rakyat di negeri ini termasuk orang Melayu harus sedar harga rumah kos rendah yang dijual kepada pembeli dengan harga RM25,000 seunit sebelum ini adalah murah berbanding keseluruhan kos pembinaannya berharga RM40,000 dan ini menunjukkan kerajaan negeri sanggup menanggung beban perbelanjaan lebih RM15,000 semata-mata untuk menolong rakyat membeli rumah, katanya.

Sementara itu, beliau berkata jika rakyat di negeri ini masih tidak sedar terhadap sumbangan kerajaan negeri dan terpengaruh dengan pihak tertentu rakyat negeri ini akan menghadapi kerugian dan yang membimbangkan kedudukan politik dan ekonomi turut terjejas.

(END)